

30/04/1998

Kabinet lulus Majlis Air Negara

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet hari ini meluluskan penubuhan Majlis Air Negara yang akan merancang dan mengatur dengan kerajaan negeri mengenai punca air di negara ini.

Majlis itu dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, manakala anggotanya terdiri daripada semua menteri besar dan ketua menteri serta kementerian berkaitan.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata hampir semua negeri bersetuju dengan penubuhan majlis itu dan perbincangan mengenainya akan diadakan seberapa segera.

"Penubuhan majlis itu bagaimanapun tidak bermakna hak negeri dalam soal bekalan air diambil alih Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat tidak ambil hak air dari mana-mana negeri.

"Sebaliknya apabila sesuatu negeri mengambil air dari negeri lain, negeri yang mengambilnya terpaksa membayar. Kita akan menetapkan berapa harga serta kawasan air itu boleh diambil," katanya selepas membuka bangunan tambahan Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Castlefield, Puchong, dekat sini.

Beliau berkata, penubuhan majlis itu juga tidak membabitkan apa-apa pindaan pada Perlembagaan Persekutuan. Pejabat majlis itu akan dibuka di ibu pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR).

Mengenai mesyuarat pertama majlis itu, Samy Vellu berkata, beliau akan menghubungi Perdana Menteri untuk mendapatkan tarikh yang sesuai.

Menurutnya, beliau sudah mengarahkan Ketua Pengarah JKR dalam mesyuarat mingguan kementerian itu hari ini, untuk menyiapkan kertas kerja bagi dibawa untuk perbincangan dengan menteri besar dan ketua menteri.

Satu mesyuarat akan turut diadakan dengan kementerian terbabit secepat mungkin dan hasil perbincangan akan dibentangkan pada mesyuarat majlis itu.

"Secara keseluruhannya, selain menyelaras punca air di seluruh negara, majlis itu akan turut menetapkan tempat bagi pembinaan sesuatu empangan pada masa akan datang serta perancangan mengenai pembinaan rangkaian paip kebangsaan yang menghubungkan di antara negeri-negeri," katanya.

(END)